

UCHAPAN PEMBUKAAN KURSUS

OLEH

Y.T.M. TUNKU YANG DI-PERTUA.

Tuan Pengerusi,  
Tuan2 sakalian yang hadzir.

Kursus yang di-adakan pada hari ini saya berpendapat amat-lah berguna kepada Party kita, kerana banyak perkara2 barangkali yang tuan2 hendak mengikuti untuk memberi penerangan pula di-kawasan2 dalam negeri masing2.

Penerangan2 yang akan tuan2 beri sa-telah mendengar nasehat2 dan pendapat2 daripada ketua2 yang banyak mengambil bahagian di-pusat ini, dapat-lah hendak-nya tuan2 memberi penerangan yang memuaskan pula, kepada pendengar2 di-tempat masing2.

Berdasarkan itu-lah, kursus ini di-adakan di-sini. Pegawai2 dan Setia Usaha2 Perhubungan, Setia Usaha2 Bahagian, dan Pegawai2 Penerangan amat-lah kena pada tempat dan masa-nya.

Dengan ada-nya kursus saperti ini dan yang ini-lah juga kali pertama-nya, yang akan di-ikuti kemudian-nya dari masa ka-samasa nanti. Dan kursus yang sa-lama dua hari ini, Pensharah2 nya, tentu-lah akan memberi sharahan dan ucapan yang berkenaan dengan pengetahuan-nya masing2.

Bagi saya yang akan berchakap pada hari ini, adalah sa-chara Umum sahaja kepada tuan2 berhubong dengan Perjuangan Party kita, berkenaan tudohan2, diayah2 dan segala fitnah2 yang selalu di-hadapi pada Party kita sa-lama ini.

Memang-lah Party yang besar saperti kita ini akan terdedah dengan segala anchaman dan keritik sama ada dari dalam mahu pun dari luar negeri kerana semua ini ada-lah perkara biasa.

Oleh kerana kita berpegang kepada dasar Demokrasi, kita terpaksa membenarkan, meski pun begitu ada-lah menjadi kewajipan kita, menjawab segala tudohan2 itu.

Sa-bagai yang kita tahu, bahawa Party2 lawan, tidak-lah sa-kuat yang di-dengar. kerana itu-lah pula nereka terpaksa menggunakan tektik2 yang tidak adil dan kotor, untuk menjatuhkan Party kita.

## Muka (2),

Segala helah dan chara yang mengamliam kapada kita hendak-lah di-ingat, tidak sahaja datang dari dalam negeri, tetapi datang-nya dari luar negerij saperti Indonesia sekarang ini yang bertujuan hendak menjatohkan satu2 Party atau satu2 negeri.

Tetapi segala tektik yang mereka gunakan itu, bukan sahaja tidak berpatutan, malah ada-lah tersangat burok, saperti Radio Indonesia yang selalu menchercha dan memburok2 peribadi ketua2 kita, terutama kapada saya sendiri di-hantam dengan berbagai2 tudohan yang memalukan.

Tentu-lah orang2 di-sini dapat mengetahui. betapa burok atau tidak-nya, samenjak saya menjadi Perdana Menceri beberapa tahun dan menjadi Ketua Menteri beberapa tahun pula yang lalu, dalam sa-pahjang2 masa itu, sa-jauh mana burok baik-nya chara mereka menudoh kita, dapat-lah tuan2 ukor dan hukuman.

Bagitu juga kata2 yang di-lemparkan kapada Ketua2 kita saperti Y.A.Berhormat Tun A.Razak dan Datok Dr. Ismail dan lain2 lagi yang sangat memalukan jika di-dengar oleh ra'ayat, yang sa-sungguh-nya tidak-lah termasuk pada akal.

Dalam pada itu ada pula timbul siaran Radio Indonesia Bebas yang mengambil tindakan balas menghentam mereka dan pemerentahan-nya, memang sudah kena pada tempat-nya.

Kembali kapada apa yang selalu di-dengar |5ikiran2 oleh surat2 khabar di-dalam negeri kita pula, banyak yang menge-luarkan fikiran2 yang sa-suai dan munasabah dengan perjuangan kita pada hari ini.

Apa yang harus kita lakukan,tiap2 berita yang tersiar di-dalam akhbar, mahu pun renchana2 pengarang-nya, yang ternampak memberi faedah kapada perjuangan kita, hendak-lah di-potong dan di-simpan guna menjadi pedoman kapada perjalanan Party kita.

Berhubong dengan Konfrantasi Indonesia yang di-hadapkan kapada kita itu, telah memberi satu kebaikan kapada kita, kerana sa-genap lapisan bangsa, sa-sungguh-nya telah bersatu, berdiri tegoh, untuk mempertahankan kedaulatan bangsa dan tahah air kita.

Mereka telah bertindak yang bukan2, sedangkan kita tidak pernah membalas perbuatan2 mereka itu, kerana kita memandang mereka, ada-lah satu keturunan sa-darah sa-daging dengan kita dan negara tetangga yang paling dekat dengan kita, kita ada-lah meng-

Muka (3),

hormati pemmmmpin2 mereka dan ra'ayat-nya kerana Indonesia-lah negara yang terlebih dahulu Merdeka dari kita ini dan kemerdekaan Indonesia itu juga telah menaikkan semangat kita bagi mendapatkan kemerdekaan kita ini.

Sa-sudah negara kita menchapai kemerdekaan ,tiap2 gerak langkah Indonesia menjadi perhatian kita dan kita senantiasa memantang tinggi kapada pemimpin2 Indonesia.

Saya sendiri telah menga-mbil.bahagian yang penting di-dalam masaalah tuntutan Indonesia terhadap Irian Barat, saya telah berjumpa dengan Setia Usaha Agong Bangsa2 Bersatu dan pergi ka-Holland menemui pehak pemerintah Holland supaya menyelesaikan soal Irian Barat.

Kerajaan kita telah pun memutus kan tidak membenarkan Belanda menggunakan pelabohan2 kita pergi ka-Irian Barat, bagitu juga sa-telah selesai pertikaian Irian Barat itu kita tidak membenarkan Belanda menggunakan pelabohan kita. Pendek kata jika satu2 negeri memberi pertolonga n kapada lain negeri yang paling besar sa-kali, tidak-lah dapat di-bandingkan dengan kita yang telah menyokongkan Indonesia . . . . . itu.

Apabila saya bertemu dengan President Sukarno, telah saya chakapkan kapada-nya, di-atas segala2 yang telah kita lakukan dan telah pun kita terima surat terima kaseh daripadanya.

Maka itu-lah satu perkara yang mengechilkan hati saya sa-kali,ia-itu pembalasan Indonesia di-atas kebajikan dan budi baik kita terhadap-nya itu, balasan yang saya ta'sangka2 sama sa-kali dan d'ya pun memang ta'dapat menjawab sa-suatu kerana apa yang kita kata itu ada-lah benar,

Perbuatan mereka membakar dan merosakkan kepunyaan2 kita, pejabat Kedutaan besar kita, dan pejabat Consulit kita itu, bagi pehak ra'ayat2 kita di-sini tentu-lah ta'dapat bers abar lagi di-atas perbuatan mereka itu, yang terkeluar batas peri kema'nusiaan.

Bangun-lah Front Bertindak Ra'ayat Malaysia mengambil tindakan dengan berani dan dengan semangat yang tinggi untuk membalas perbuatan Kerajaan Indonesia itu dan dengan terbentok-nya Front ini, pehak Ahli2 UMNO pun telah memberi sokongan yang kuat dan di-mana sahaja ada perhimpunan maka di-situ-lah orang2 Melayu pulohan ribu menunjukkan semangat yang berani, berarti-lah juga dengan pertunjukan itu, kita tidak lagi tundok kapada sa-siapa pun kerana apa yang telah kita lakukan

#### Muka (4)

hari ini kerana kita memandang kapada negeri, kapada bendera dan kapada Kerajaan kita, dan kita bersedia menghadapi segala Konfrantasi daripada mana2 negeri sa-kali pun.

Di-dalam tunjok perasaan itu mereka membakar2 gambar Sukarno dan sa-bagai-nya dalam pada itu pun ada bermacam2 fikiran, ada sa-tengah kata jangan-lah di-bakar, ada yang sa-tengah kata, bakar-lah, pergi-lah. jadi kalau di-fikir2 pembakaran2 saperti itu pun benar juga pa da tempat-nya. Kerana gambar Sukarno ada-lah menjadi Lambang yang pada masa dahulu kita memandang tinggi, sa-lagi kita memandang tinggi kapada gambar itu tentu-lah terdapat semangat lemah untok melawan dengan negeri yang di-pimpin oleh penganjor yang sa-umpama itu.

Bagi mengikis rasa pandang tinggi kapada gambar itu dan kapada negeri-nya, memang sa-patut-nya di-buat dan di-bakar saperti itu. Sa-hingga ada orang yang datang kapada saya bertanya apa sebab tidak menahan perbuatan saperti itu. teta pi nanti-lah saya memberi keterangan2, baharu-lah ia turut membenarkan.

Kita kembali sahaja-lah kapada zaman pemerentahan Jepun dahulu dengan apa yang mereka telah lakukan kapada orang2 Inggeris dahulu, mereka tangkap, mereka potong kepala mereka menikam dan mereka lakukan perbuatan2 yang ganas dan sa-bagai-nya lagi, makanan2 di-lambong ka-atas kemudian mereka biarkan supaya di-kutip sendiri oleh orang2 kulit puteh itu dan sa-ribu satu macham lagi penghinaan di-lakukan di-atas mereka dengan tuiuan kerana mengalehkan rasa pandang tinggi dan hormat oleh ra'ayat kita terhadap orang2 kulit puteh itu.

Bagi kita peristiwa2 itu tentu-lah mengejut dan menghairankan, tetapi sa-telah di-beri penerangan baharu-lah kita sedar dan insaf bahawa saperti itu memang sa-patut-nya, kerana sa-belum itu orang2 Jepun sangat-lah memandang tinggi kapada bangsa Inggeris dan jika tidak di-bersehkan pandangan ra'ayat mereka dan kita di-Tanah Melayu ini sa-chara itu, amat-lah susah bagi ra'ayat mereka itu menghadapi orang2 Inggeris, sa-umpama juga kapada kita yang memandang tinggi kapada orang2 Inggeris mulai mendapat pengalaman dan pengajaran, hasil dari apa yang di-tunjok dan di-ajar oleh orang2 Jepun itu.

Sebab itu tiap2 bangsa yang berkulit berwarna, sadikit demi sadikit di-pandang oleh mereka dan ra'ayat2 yang sama sa-taraf dengan kita, dengan semangat itu juga ra'ayat2 kita bangun berjuang menghadapi Inggeris dan menchapai kemerdekaan.

**Muka (5),**

Konfrantasi Indonesia yang di-lancharkan sekarang ada-lah merupakan satu hikmat.di sa-balek-nya kerana dia membawa kesedaran kapada ra^ayat kita, bersatu dan membulat rasa ta'at setia kapada negeri kita sendiri.

Kita telah sampai kapada satu tingkat yang baik, tingkat yang menjamin keselamatan fcangsa dan tanah air kita, hatta kapada satu tingkat yang menjamin kemerdekaan kita ini kerana itu tidak-lah kita hidup hari ini merasa lemah atau ta kut menundok kapada p3hak mana2 pun, kerana kita hidup di-dalam Kerajaan yang Ilardeka da n berdaulat sa-bagai satu bangsa yang sama sa-taraf dengan bangsa2 lain di-dunia ini., Dan kalau ada perkara2 yang terpaksa kita meminta pertolongan untok menambahkan dan sa-bagainya apabila saya merundingkan dengan mereka itu.

Berhubong dengan konfrantasi itu sa-benar-nya kita tidak-lah merasai apa2 hanya sadikit sahaja kapada orang2 China dan saudagar2 China yang berniaga di-Singapura dengan Indonesia, dan sekarang ini getah tidak dapat masok lagi dengan jalan yang biasa, maka rugi-lah saudagar2 itu.

Bagi pehak orang2 Melayu kalau pun ada yang rugi besar saperti pehak buroh yang bekerja sa-hari2 tetapi kapada orang2 ini kita telah mengambil tindakan untok menjaga dan memberi mereka kerja2 yang berpatutan dengan mereka itu.

Orang2 yang merasa sakit sa-kali bagaimana yang tuan2 telah dengar dalam surat khabar ada-lah pehak orang2 Indonesia ya ng tidak berdosa mcnanggung lasab sengsara dengan perbuatan ketua2 mereka itu, saperti orang2 Riau, orang2 Sumatra, orang2 Eugis, semua-nya ada-lah bergantung kapada Tanah Melayu ini untok menchari makan dalam perniagaan mereka saperti kelapa dan sa-bagai-nya•

Mareka itu membawa masok ka-sini dan membawa wang ringgit dari sini masok ka-sana dan dari wang itu-lah mereka menggunakan di-sana. Bagi pehak orang2 Riau, yang merasai sakit sangat kerana Riau tidak memakai dan menggunakan wang Indonesia selama2-nya dari inula mereka menggunakan wang Tanah Melayu.

Sekarang Indonesia merampas, semua wang2 Tanah Melayu dan menggantikan dengan wang rupiah Indonesia yang di-katakan sama harga dengan wang Tanah Melayu ini, itu hanya kata2 sahaja, hakikat yang sa-benar, ada-lah tidak, kes ukaran orang2 di-Riau, bukan Sahara dalam hal2

## Mqkg (6-)

perniagaan dan sa-bagai-nya. Hatta kapada ayer untok keperluan sa-hari2 pun terpaksa menyeberang ka-Singapura, menempoh gelombang dan badai. Dan tidak sadikit pula yang menjadi mangsa, hanya-lah sa-mata2 kerana keperluan hidup mereka, demikian-lah betapa menderita-nya ra'ayat di-Riau itu.

Konfrantasi yang di-tujukan kapada kita itu pun, yang merasai pahit dan menderita bukan-lah terasa kapada pemimpin dan ketua2 Kerajaan mereka, kerana mereka telah senang dan mewah, chukup segala keperluan hidup mereka, tetapi yang amat terasa sa-kali kepahitan hidup ia-lah ra'ayat2 mereka yang tidak bersalah, yang telah bermatian2 berkorban kerana kemerdekaan Indonesia dari penjajah Belanda dahulu, yang meletak harapan sa-lepas kemerdekaan itu akan merasai nikmat dalam hidup saperti orang2 di-negeri lain.

Dengan rasa perikema'anusiaan, kita ada-lah membenarkan ra'ayat2 mereka yang susah dan menderita dalam hidup akibat konfrantasi itu datang ka-Malaysia ini dari mana2 pehak pun. Mudah2an dapat-lah sadikit sa-banyak untok keperluan hidup anak isteri mereka.

Sa-jauh mana kesabaran meroka dalam hal ini tidak-lah pula dapat kita menelah, kalau anak2 mereka mati kelaparan dan sa-bagai-nya, mereka tentu tidak dapat melawan, jika ingin melawan sa-kali pun kerana tidak ada kekuatan ra'ayat-nya untok melawan, di-ikuti pula dengan kawalan2 keras oleh angkatan bersonjata.

Tuah2 sendiri pun tahu bagaimana amaran2 dan perintah di-keluarkan oleh President Sukarno kapada ra'ayat Indonesia yang mendengar berita2 dari Radio Malaysia akan di-penjara sa-tahun, sa-umor hidup.

Demikian-lah seksaan ra'ayat2. mereka dan boleh jadi di-satu hari nanti wasg^Tanah Melayu tidak boleh di-tukar lagi melalui Bank Indonesia, kerana di-haramkan.

Dalam bagitu pun sa-masa Tun Razak berada di-Bangkok, dengan jasa baik Tun Thanatkhuman telah berusaha, bagi menyelesaikan persengkitaan dengan Indonesia dan Filipina, dan sa-telah Tun Razak kembali kata jangan berunding dengan-nya.

Apa arti-nya berunding dengan orang2 yang

Muka (7),

suka memecah dan mungkit akan perjanjian2 yang telah dibuat, kita tidak dapat meletak kepercayaan kepada orang yang seperti ini, kerana kita tahu apa yang sa-benar-nya berada di-sa-balek belakang mereka ia-itu Komunis yang selalu sahaja memerintah mereka supaya memungkiri janji2 dan ketetapan2 yang telah di-persetujui di-Manila itu. Apabila berjumpa dengan kita, mereka mengaku dan bersetuju, sa-telah pulang mereka di-perintah tukar ketetapan itu. Tida^k ada faedah orang2 yang sa-benar-nya tidak berkuasa memutuskan sa-suatu.

Sekarang mereka telah meletakkan ashkar mereka dengan kuat-nya berkhemah di-sempadan dengan pemerintahan kita bahkan termasuk dalam kawasan kita. Bukan Sahara sa-kadar itu bahkan dengan menghantar kapal2 terbang menchabul angkasa kita dengan tujuan mengintip apa yang berada di-dalam negeri kita, tidak ada arti-nya kita mengadakan perundingan menyelesaikan sa-suatu, sa-telah bersetuju dalam perundingan dan tidak sempat kita kembali sudah kita dengar konfrantasi lagi di-istiharkan.

Bagi saya amat-lah merasai terharu dan sedih benar terhadap ra'ayat di-Indonesia, kerana mereka tidak tahu perkara2 yang sa-benar-nya berlaku di-Malaysia ini termasuk-lah diri saya sendiri.

Sa-waktu saya berada di-Manila tidak lama dahulu bersama2 mereka betapa sampai hati-nya beliau berkata kepada Presiden Magapagal; - kata-nya:-

"Bahawa Tengku Abdul Rahman ini, jahat orang-nya, kerana mengambil isteri orang" dan berbagai2 lagi tuduhan2 yang tidak manis. begitu juga kepada Dato' Dr. Ismail dengan tuduhan2 yang tidak sopan.

Alang-kah terkejut-nya saya sikap Presiden Sukarno terhadap saya ini, lalu saya berkata kepada-nya Bahawa saya tidak-lah seperti tuan, ra'ayat2 saya boleh memilih orang lain, jika mereka tidak suka, sedangkan tuan di-lantek menjadi Presiden sa-umur hidup saya tidak boleh melatukan perkara yang melanggar batas adat resam bangsa saya.

Berhubung deng an negara2 yang akan menjadi anggota dalam Malaysia pula, Pesiden Sukarno meminta supaya di-adakan satu Pilihan Raya untok menentukan sama ada mereka mahu atau sa-balek-nya menyertai Malaysia ber-dasaakan Demokrasi, kata-nya.

Padahal di-negeri Indonesia sendiri tidak pernah ada Pilihan Raya, negeri orang di-minta-nya Pilihan Raya, amat-lah pelek sikap-nya, dia dapat membuat sa-suka hati kepada ra'ayat-nya, di-negeri-nya yang tidak pernah ra'ayat-nya merasai nikmat kebebasan dan keadilan dalam sa-barang hal.

Orang yang saperti ini bagi kita tidak-lah terdaya untok berbaik2, apa yang kita harus berbuat hanya-lah menyelamatkan dari serangan2 mereka. Negara2 bebas saperti British, Australia dan New Zealand semua terdiri tegoh di-belakang kita jika kita di-serang. Mereka tetap bersama2 dengan kita menghadapi musuh.

Apa yang saya kesalkan ia-lah Amerika yang membantu Indonesia, padahal apa yang di-bantu itu bukan-lah untok ra'ayat mereka yang menderita itu merasai faedah-nya, kerana segala bantuan itu di-beli-nya senjata.

Saya pernah berkata kepada Senator2 Amerika yang mengunjungi di-Malaysia ini, hal itu semua supaya berhati2 dalam memberi bantuan kepada Indonesia.

Sekarang boleh-lah di-dengar dari sa-masa ka-samasa ra'ayat-nya akan bangun memberontak akibat kesuaahan mereka.

Terbit dari itu juga-lah mereka telah menyerang kita, dan kalau mereka menyerang, kita sedia menghadapi-nya, kerana kita tahu keadian yang sa-benar-nya di-Indonesia bukan orang-nya patut di-serang.

Mereka juga boleh mengelak demi peperangan, kerana apa yang mereka hendakkan ia-lah keadaan ekonomi mereka, supaya dapat di-selesaikan bagi mengatasi masalah kesusahan serba serbi itu.

Apabila hal ekonomi yang menjadi puncha sa-suatu-nya maseh kachau bilau, bagaimana-kah mereka akan menghadapi peperangan,

Kembali kepada hal di-dalam negeri kita pula terbit dari peristiwa2 kemenangan P.A.P. di-Singapura baharu2 ini, sa-telah saya menyelidek serba sadikit, ter-da pat-lah jawapan yang sa-benar-nya, daripada orang2 kita menyokong Perikatan.



**Muka (9),**

Mereka menyokong P.A.P. dalam Pilihan Raya di-Singapura tidak lama dahulu, kerana mereka tahu bahawa P.A.P. berkehendakkan Malaysia, bukan tidak percaya kepada Perikatan,

Sa-telah Singapura terchantum dalam Malaysia maka yang memerintah Malaysia ia-lah . Perikatan, itu-lah mereka menyokong P.A.P. dalam Pilihan Raya yang lalu.

Kalau-lah PAP tidak menang, sudah tentu Singapura tidak terchantum dalam Malaysia, dan tidak ada tokoh yang dapat menghadapi orang2 seperti Dr., Lee Soo Cho atau Lee Kuan Yew sendiri. Maka itu-lah pula Perikatan terpaksa menerima kekalahan.

Sa-telah semua terchantum dalam Malaysia, maka terserah-lah kepada rakyat-jelata untuk memilikinya pada masa akan datang, yang sa-suai dengan mereka.

Kalau Sarawak dan Sabah telah ada 34 Kursi, PAP sendiri pun 12 kerusi yang telah berjanji mengambil bahagian di-pehak Party Pemerintah (Perikatan) dalam perkara2 Malaysia, sebab itu pehak Perikatan pada hari ini telah bertambah sa-banyak kerusi.

Dalam pada itu pun ada pehak2 pembangkang yang chuba2 memihak Party2 daripada Negara2 yang terchantum dalam Malaysia itu.

Meski pun begitu saya sendiri telah berchakap dengan pehak2 yang berkenaan dari Sarawak dan Sabah. seperti Donald Stepon, Dato' Mustaffa, Kalong Ningkan, termasuk-lah juga seperti mereka2 dari Party2 Negara dan Berjasa supaya masuk terus menjadi Ahli UMNO.

Saya amat-lah merasai sukarela bahawa mereka bersetuju masuk dalam UMNO, jika hal ini berlaku. maka bertambah kuat-lah kedudukan kita di-dalam Parlemt, kerana apa yang kita lakukan di-sini dari sa-genap segi, ada-lah dalam perhatian mereka2 yang berkenaan, mereka memandang tinggi kepada kita.

Sebab itu ada-lah menjadi kewajipan kepada memelihara dan menjaga nama baik kita supaya jangan mereka tidak menjadi goyang dan lemah.

Sa-bagai Party yang terbesar seperti Perikatan kita, ini walau pun bagaimana agaknya, tidak dapat mengelak daripada berlaku perselisihan fahaman sa-bagai-

**Muka (10),**

mana-nya. namun apa yang di-harap supaya perkara2 yang kecil itu jangan di-besar2kan, itu berarti merosak dan melemahkan.

Kerana saya pernah berulang kali berkata jika terjadi sa-suatu yang tidak di-ingini kapadd UMNO berarti-lah harapan orang2 Melayu semua turut juga. hanchor. Bagi saya tidak-lah dapat perchaya bahawa Party2 lain dapat mengganti UMNO ini.

Saya telah berpengalaman sa-waktu saya baharu kembali dari England, saya di-pilih menjadi Ketua UMNO Kedah di-bawah Pimpinan Al-Marhum Dato' Onn, di-mana sa-waktu Setia Usaha di-Kedah ia-lah Haji Rejab, banyak perkara2 kayu tiga di-lakukan kapada saya da n sa-ribu satu macham lagi yang selalu berlaku dalam UMNO, tapi saya tidak lari keluar daripada UMNO jika berlaku perkara yang tidak ber-disiplin,

Kerana saya bimbang UMNO akan pechah dan", hanchor bagitu sahaja, padahal saya bukan-lah bergaji menjadi Ketua itu.

Apa yang saya sebut sadikit di-sini hanya lah sa-mata2 membayang kapada tuan, betapa mustahak-nya kita bersatu dan bersabar jika terdapat sadikit sa-banyak perkara yang tidak sa-suai dengan kita oleh sa-orang dua di-dalam UMNO ini.

Tetapi hendak-lah menchari jalan supaya dapat mengatasi dari segala kerosakkan itu dengan baik dan tidak berpanjangan.

Saya tahu dan sedar banyak pergaduhan berlaku hanya kerana kepentingan diri bukan kerana kepentingan Party yang telah da n sedang berlaku di-tempat masing 2,

Saya hendak marah pun kerana masing2 bekrja kerana suka-rela, dalam pada itu pun amat-lah saya mengharap-kan supaya tiap2 sa-orang hendak-lah berfikir dan bekerja demi kerana Tanah air dan bangsa, serta keselamatan-nya tidak lebeh dari itu.

Kalau semua-lah bekerja itu dapat menjadi Menteri belaka, Alhamdulillah-lah tetap, berapa ribu Menteri mesti di-adakan dalam negeri ini, kalau semua menjadi Menteri, akan terjadi-lah saperti Indonesia pula,-

**Muka (11),**

Saya teringat satu cerita di-India. sa-orang yang akan memberi hadiah kerana membuat Masjid dan membuat satu2 kebajikan maka nama-nya hendak-lah di-tulis di-atas itu, apa yang di-buat semua nama-nya di-tulis, banyak di-buat baik, lagi banyak nama-nya tertulis di-situ.

Sa-telah dia mati, neraka tempat-nya. Kemudian mengadu-lah ia kepada malaikat, apa-hal saya ini, sedangkan saya banyak membuat baik di-dunia, dan nama saya tertulis di-dunia ?

Jawab malaikat itu apa guna lagi kamu mahu, nama, kamu sudah banyak di-dunia sana, apa lagi mahu faedah di-sini : Demikian-lah, yang saya bimbangkan.

Berhubung dengan Pilihan Raya yang akan menjelang tiba tidak lama lagi, saya amat-lah berharap dan menyeru dengan sa -penoh2-nya. menyusun dengan baik-nya Party kita, supaya benar2 kuat dan mudah menchapai kemenangan.

Pilihan Raya yang lalu, saya sendiri telah mengambil bahagian, bekerja siang dan malam bagi menchapai kemenangan dan Pilihan Raya bagi kali ini sa-patut-nya saya sudah mula berhenti dari Jawatan Perdana Menteri dan keluar mengambil bahagian di-seluruh Persekutuan.

Oleh kerana keadaan Negara kita menghadapi Konfrantasi Indonesia dan di-bimbang akan timbul beberapa hal yang tidak di-ingini, terpaksa-lah saya berkhidmat lagi denga n rakan2 saya dalam jawatan ini.

Meski pun bagitu, saya akan keluar berusaha lagi dengan sa-daya yang boleh, apabila tiba saat hampir Pilihan Raya itu, teta pi tidak-lah dapat saya bekerja dengan sa-kuat tenaga saperti dalam Pilihan Raya2 yang lalu, kerana umur saya suda h lanjut, tenaga juga ikut kurang.

Beri-lah masa kepada\* saya dalam Pilihan Raya ini, di-antara jam 2.00 - 4.00 untok berehat, namun saya perchaya rakan2 saya dapat bekerja dengan sa -penoh2-nya dalam masa Pilihan Raya.

Kita harus sedar bahawa Party2 lawan saperti PAS di-Pantai Timor dan Socialist Front di-sa-belah Pantai Barat, mereka masing2 bekerja keras, menda'ayah ka-sana ka-sini, untok menjatuhkan kita dengan menggunakan berbagai2 helah dan chara.

Bagi menchapai kejayaan hendak-lah tuan2 dengar chara2 dan apa yang di-daayah oleh PAS di-satu pihak dan oleh Front Socialist di-satu pihak yang lain, dan hendak-lah menjawab daayah mereka itu supaya ra'ayat2 jangan terpengaruh.

PAS telah mula berkurang sedikit, mengenai daayah Kafir Mengkafir itu, sa-telah kita bertindak menangkap orang yang berkenaan dalam soal petua itu.

Bagitu pun, jika ada yang di-dapati mereka masih mengeluarkan sa-suatu yang membahayakan kepada Keselamatan UMM beri-lah tahu dan akan kita bertindak, tetapi biar kena pada orang dan kesalahan-nya.

Socialist Front pula, bagi mereka, apa yang kita buat semua tidak betul, kenapa orang putih masih ada lagi dan sa-bagai-nya. Di-daayah mereka ini hendak-lah di-jawab berhubung dengan orang2 kulit putih itu.

Kita terpaksa memakai mereka jika kita tidak di-dapati orang dari bumi putera kita masih belum ada.

Pada satu masa Y.A.B. Tun Abdul Razak pernah berunding dengan saya dalam perkara menyekat orang2 kita menjadi General dan sa-umpama-nya, tetapi demi kerana ingin memelihara keselamatan negeri dan ingin supaya dapat orang2 kita lebih terlatah lagi dalam hal2 ketenteraan ini, kita terpaksa meminjam daripada mana sa-kali pun.

Bagaimana pun nyata-lah sudah bahawa chara berfikir kita sekarang sudah sehat dan meningkat maju, yang sudah memerlukan orang2 kita sendiri mengepalai sa-suatu-nya.

Dalam hal ini juga-lah, General Jati Kesomo dari Indonesia mengambil kesempatan menerangkan kepada ra'ayat di-Indonesia, bahawa kita di-Malaysia, semua ketua2 Tentera dan Polis ada-lah orang2 Inggeris belaka.

Padahal apa yang kita pinjam mereka, hanya-lah untuk sementara demi menjaga keselamatan negeri kita, tidak lebih dari itu.

Demikian juga soal penanaman modal Luar, yang selalu di-jadikan alat penghantam oleh pihak Socialist Front, dalam hal ini hendak-lah kita sedar, bahawa oleh kerana kita masih kekurangan Modal, kita terpaksa membenarkan mereka, yang dengan itu akan dapat-lah Bangsa kita yang

terdiri dari orang miskin terutama-nya, bekerja dan belajar sa-suatu daripada-nya, umum-nya akan berpeluang kepada kita orang2 Melayu.

Apa yang menyedihkan saya, ada di-antara orang2 kita Melayu, apabila di-beri lesen atau sa-suatu peluang untuk kesenangan-nya, mereka jual kepada orang2 bangsa asing.

Orang2 kita apabila berniaga ingin lekas kaya, tidak mahu bersusah dahulu kemudian senang. apa yang kita lakukan dan bertindak hanya-lah sa-mata2 untok menolong orang2 Melayu, hanya sa-nya orang2 itu sendiri-lah, yang mesti pandai menggunakan peluang dan nikmat itu, untok kebaikan-nya dengan penoh sabar dan teliti.

Kembali kepada soal M.C.A. sa-telah PAP beroleh kemenangan di-Singapura, baharu-lah mereka sedar, dengan chara main Politik China itu tidak menguntongkan.

Kemenangan PAP bukan chara itu. tetapi kerana Malaysia kalaukerana dasar Politik China, banyak orang tidak mahu dan harus PAP menerima kekalahan.

Sebeb itu kepada MCA harus-lah sedar, dalam menghadapi masa akan datang, jangan main dasar Politik China, bagitu juga sa-suatu yang membawa kepada pechah-nya Perikatan dengan UMNO ini.

Apabila terpechah, akan sukar-lah bagi orang2 China di-sini, dan di-bimbang akan terjadi sa-suatu yang tidak di-ingini. Sebeb itu, kepada MCA, harus-lah waspada dalam menghadapi suasana Politik di-Tanah air ini.

Bagitu juga kepada UMNO, hendak-lah bekerja keras, dengan penoh berdispelin dalam menghadapi pilihan Raya akan datang, demikian juga soal Perikatan kita dengan MCA ini, jangan-lah kita bimbangkan mereka tidak bagitu chergas dalam soal2 Politik dengan kita, mereka lebeh chenderong dalam lapangan perniagaan.

Apa yang harus kita desak mereka, ia-lah supaya dapat bekerja berganding bahu dalam menghada pi Pilihan Raya akan datang termasuk-lah MIC itu, demi keutuhan dan kemenangan kita nanti dan katakan-lah kepada mereka jangan membuat kesilapan lagi sa-hingga perniagaan orang2 Chinadi-negeri ini akan menghadapi sukar, jika mereka tidak bekerja kuat dalam Perikatan ini.

Akhir-nya saya berseru mari-lah sama2 kita berusaha dan bekerja dengan penuh keabaran, menghadapi sa-suatunya, demi kerana kejayaan dan kemenangan kita, dalam Pilihan Raya akan datang dan Demi keselamatan Tanah air dan bangsa kita semua-nya.

Saya perchaya apa yang saya beruchap ini hanya-lah sa-chara **Umum** sahaja dan akan di-ikuti satu persatu oleh penarah2 kemudian nanti, yang saya perchaya tuan2 semua dapat mengambil faedah daripada -nya, untuk kejayaan kita semua. Wassalammualaikum.